

TERKINI UTAMA &amp; SENSASI



By: Mohd Arshad 08/08/2022 0 123

Seorang peniaga wanita di Johor rugi lebih RM1 juta selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

#### Ikuti Mynewshub: [Telegram](#)

Wang RM1 juta amat besar nilainya. Malang sungguh wang sebanyak itu diserahkan kepada penjenayah hanya kerana terpedaya dengan taktik lapuk sindiket Macau Scam.

Taktik penipuan menyamar sebagai pegawai LHDNM bukan baru berlaku, sebaliknya aktiviti jenayah itu telah sangat lama beroperasi memangsakan rakyat Malaysia.

Ironinya sudah terlalu banyak pendedahan dibuat mengenainya termasuk oleh LHDNM sendiri, namun masih ada dalam kalangan kita mudah diperangkap. Tidak pasti mengapa.

Adakah kerana mangsa terlalu banyak wang, maka bersedia untuk akur apa sahaja kepada tuntutan yang dipinta kerana malas mahu pening kepala atau sememangnya begitu naif untuk mengesyaki sebarang unsur penipuan?

Sudah banyak kali LHDNM mengingatkan kepada anggota masyarakat supaya tidak mudah percaya kepada mana-mana individu yang membuat panggilan telefon dan mengaku sebagai pegawainya bagi membuat tuntutan wang.

Perkara paling asas iaitu LHDNM tidak membuat panggilan kepada pembayar cukai menggunakan nombor telefon bimbit bagi sebarang panggilan rasmi pun masih ada boleh terpedaya dengan taktik lapuk "scammer"

Berulang-kali LHDNM berpesan kepada masyarakat supaya membuat semakan dengan hadir ke cawangan LHDNM berdekatan atau menghubungi Hasil Care Line di talian **03-8911 1000** bagi mendapatkan pengesahan.

Mereka yang menerima panggilan seperti itu juga membuat semakan kedudukan lejar cukai melalui aplikasi e-lejar : <https://ez.hasil.gov.my/ci/Login.aspx?page=06less> untuk mendapatkan kepastian terlebih dahulu.

Ia bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilakukan demi memastikan diri tidak menjadi mangsa penipuan. Seperti peribahasa hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Justeru, jangan menunding jari kepada pihak lain jika menjadi mangsa apabila diri sendiri tiada inisiatif untuk bertindak bijak supaya tidak menjadi mangsa Macau Scam.

**-Mynewshub**

f  
-

